MBSJ
GEMILANG BERSAMA

# PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
# TARIKH: 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

## ADUAN

| BIL | AKHBAR | TAJUK | TINDAKAN JABATAN |
|---|---|---|---|
| 1. | THE STAR | • OVER 138,000 LOTS HAVE NO STRATA TITLES | COB |

## MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

| BIL | AKHBAR | TAJUK |
|---|---|---|
| 1. | THE STAR | • OVER 138,000 LOTS HAVE NO STRATA TITLES |

## CETAK (AKHBAR / MAJALAH)

| BIL | AKHBAR | TAJUK |
|---|---|---|
| 1. | THE STAR | • OVER 138,000 LOTS HAVE NO STRATA TITLES |

## UMUM

| BIL | AKHBAR | TAJUK |
|---|---|---|
| 1. | THE STAR | • PUTRAJAYA MEDIATION CENTRE AIMS TO RESOLVE CONFLICT |
| 2. | SINAR HARIAN | • KILANG ROTI DISERBU<br>• 27 KES BULI SIBER SEHARI |
| 3. | KOSMO | • PENJAWAT AWAM WANITA MAHU LEBIH RAMAI PEMANDU SEJANTINA<br>• 170,751 INDIVIDU TERLEPAS BANKRAP |
| 4. | BERITA HARIAN | • WUJUDKAN DASAR KHAS GUNA EV DALAM USAHA TINGKAT KUALITI UDARA<br>• PETRA SASAR KURANGKAN AIR TAK BERHASIL 28.8 PERATUS PADA 2030 |
| 5. | UTUSAN MALAYSIA | • PENJAWAT AWAM DITAHAN BANTU SIASATAN KES MENYAMAR PEGAWAI SPRM<br>• SUKAR JAGA KEBERSIHAN, OPERASI RESTORAN 24 JAM DIKAJI SEMULA<br>• PLATFORM MEDIA SOSIAL AKAN DIDAKWA JIKA TIADA LESEN |
| 6. | THE SUN | • CALL FOR STRICTER MONITORING OF FOOD HANDLERS<br>• GISB KID'S RECOVERY TASK FORCE GETS RM100,000 FUND |

# Over 138,000 lots have no strata titles

By JAROD LIM and SHEILA SRI PRIYA



Borhan (standing) says the state government is committed to preserving and conserving historical buildings. — Bernama

**Selangor task force discovers incomplete documentation, legal cost among reasons**

THE special task force set up by Selangor to resolve issues on strata ownership has identified 138,817 lots without strata titles.

Most of these lots are located in the Subang Jaya City Council (MBSJ) area with 35,780 lots, followed by Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) with 19,828 and Petaling Jaya City Council (MBPJ) with 16,963 lots.

State housing and culture committee chairman Datuk Borhan Aman Shah said this in reply to Lim Yi Wei (PH-Kampung Tunku) who inquired about strata ownership in the state, during the Selangor State Assembly at Bangunan Dewan Negeri Selangor in Shah Alam.

"The aim of the special committee set up by the task force to address this matter this year is to provide an inventory of all buildings without strata titles in Selangor," said Borhan.

He also said some buildings did not have strata titles as incomplete documentation was submitted because building plans had not been approved by the local authorities.

"The amended Strata Titles Act 1985, which came into force in 2015, provided us the power to give exceptions and consider some applications for strata titles for specific buildings, although the owner did not have the required documents."

He said another matter that hampered the process of obtaining the strata titles was legal cost.

"Until October, the special committee created the inventory and identified all the affected projects," he said, noting that the committee also managed to solve some strata title issues.

"Among them are projects in Bandar Tasik Puteri in Rawang involving 400 units," he added.

Borhan said the special committee was currently monitoring the progress at Taman Putra Perdana in Sepang, of which 784 units were at Pangsapuri Teratai and 350 units at Pangsapuri Seroja.

In Petaling Jaya, 112 cases had been solved while 75 other cases were pending, he disclosed.

On another matter, Borhan said owners of historical buildings in Selangor who applied for restoration, conservation, modification and upgrading works could get a grant of up to RM250,000 once their applications were approved by the authorities.

Such applications, he said, could be submitted to the respective local authorities in the state.

"With the support of the state government via the Selangor Standing Committee for Culture, these applications will be forwarded to the Tourism, Arts, and Culture Ministry (Motac) for approval.

"Applications that meet the stipulated criteria and eligibility requirements may be considered for assistance of up to RM250,000," he said.

He was responding to David Cheong Kian Young (PH-Kajang) who asked about incentives for owners of historical building and the state's effort to preserve such buildings.

Borhan said Selangor government remained committed to preserving and conserving historical buildings in the state.

"Historical buildings gazetted as heritage structures must undergo conservation methods.

"Measures will be taken to ensure any modifications preserve the original features of the buildings," he said.

He highlighted that the state government, through Kajang Municipal Council (MPKj), had implemented various initiatives to preserve and maintain heritage buildings in Kajang.

"Some of them are buildings in Kajang town which are part of the Kajang Heritage Walk.

"These include the Kajang Heritage Centre, Kajang Post Office, Dato Nazir Building and places of worship such as Chinese temples and mosques," he said, adding that these were some of the buildings identified to be gazetted as heritage buildings.

"Another initiative is the beautification of the pedestrian walkway along Jalan Sulaiman," said Borhan.

**THE STAR ONLINE**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2024**

# Over 138,000 lots have no strata titles

## Selangor task force discovers incomplete documentation, legal cost among reasons

THE special task force set up by Selangor to resolve issues on strata ownership has identified 138,817 lots without strata titles.

Most of these lots are located in the Subang Jaya City Council (MBSJ) area with 35,780 lots, followed by Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) with 19,828 and Petaling Jaya City Council (MBPJ) with 16,963 lots.

State housing and culture committee chairman Datuk Borhan Aman Shah said this in reply to Lim Yi Wei (PH-Kampung Tunku) who inquired about strata ownership in the state, during the Selangor State Assembly at Bangunan Dewan Negeri Selangor in Shah Alam.

"The aim of the special committee set up by the task force to address this matter this year is to provide an inventory of all buildings without strata titles in Selangor," said Borhan.

He also said some buildings did not have strata titles as incomplete documentation was submitted because building plans had not been approved by the local authorities.

"The amended Strata Titles Act 1985, which came into force in 2015, provided us the power to give exceptions and consider some applications for strata titles for specific buildings, although the owner did not have the required documents."

He said another matter that hampered the process of obtaining the strata titles was legal cost.

"Until October, the special committee created the inventory and identified all the affected projects," he said, noting that the committee also managed to solve some strata title issues.

"Among them are projects in Bandar Tasik Puteri in Rawang involving 400 units," he added.

Borhan said the special committee was currently monitoring the progress at Taman Putra Perdana in Sepang, of which 784 units were at Pangsapuri Teratai and 350 units at Pangsapuri Seroja.

In Petaling Jaya, 112 cases had been solved while 75 other cases were pending, he disclosed.

On another matter, Borhan said owners of historical buildings in Selangor who applied for restoration, conservation, modification and upgrading works could get a grant of up to RM250,000 once their applications were approved by the authorities.

Such applications, he said, could be submitted to the respective local authorities in the state.

"With the support of the state government via the Selangor Standing Committee for Culture, these applications will be forwarded to the Tourism, Arts, and Culture Ministry (Motac) for approval.

"Applications that meet the stipulated criteria and eligibility requirements may be considered for assistance of up to RM250,000," he said.



Borhan (standing) says the state government is committed to preserving and conserving historical buildings. — Bernama

He was responding to David Cheong Kian Young (PH-Kajang) who asked about incentives for owners of historical building and the state's effort to preserve such buildings.

Borhan said Selangor government remained committed to preserving and conserving historical buildings in the state.

"Historical buildings gazetted as heritage structures must undergo conservation methods.

"Measures will be taken to ensure any modifications preserve the original features of the buildings," he said.

He highlighted that the state government, through Kajang Municipal Council (MPKj), had implemented various initiatives to preserve and maintain heritage buildings in Kajang.

"Some of them are buildings in Kajang town which are part of the Kajang Heritage Walk.

"These include the Kajang Heritage Centre, Kajang Post Office, Dato Nazir Building and places of worship such as Chinese temples and mosques," he said, adding that these were some of the buildings identified to be gazetted as heritage buildings.

"Another initiative is the beautification of the pedestrian walkway along Jalan Sulaiman," said Borhan.

THE STAR
Tarikh: 20 NOV 2024

By **JADE CHAN**
jade@thestar.com.my

# Putrajaya mediation centre aims to resolve conflict

## Public can get free advice on dealing with community disputes

PUTRAJAYA has a new community mediation centre (PMK) that will serve as a dedicated space for the public to seek help on community matters.

The disputes handled by the centre are those affecting residential areas and neighbourly relations.

These include parking space, pets, use of common areas and misunderstandings among neighbours.

At the PMK located in Putrajaya's Precinct 5, the public can get free advice from 33 trained mediators who are based in the administrative capital.

The PMK was set up via a collaboration between the National Unity and National Integration Department (JPNIN), the property management division of the Prime Minister's Department, and Putrajaya Corporation.

"Community mediation is an effective way to resolve disputes in a peaceful and considerate manner, without having to go through complicated and time-consuming legal processes," National Unity Ministry secretary-general Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad said at the opening of the centre.

Also present were JPNIN director-general Datuk Che Roslan Che Daud, Putrajaya Corporation president Datuk Fadlun Mak Ujud and Putrajaya district police chief Asst Comm Aidi Sham Mohamed.

"Through this approach, conflicting parties are given the chance to discuss and reach a fair resolution in a win-win situation," said Hasnol Zam Zam.

"Mediation is very important in maintaining relationships within the community, especially in a diverse society like Malaysia's.

"The role of a professional and neutral mediator will help prevent minor disputes from escalating into major conflicts that can affect community harmony," he said.



Khairul Salleh: A mediator has to be patient, fair and impartial.

He added that JPNIN introduced mediation services in 2007.

To-date, there are 571 certified community mediators nationwide who provide their services *pro-bono*.

They comprise community members and religious leaders who have undergone training and are certified in mediation skills.

"The mediation process also helps to educate the community about the importance of tolerance and understanding in resolving issues that may arise due to differences in views, culture or beliefs.

"Besides conflicts regarding strata and landed properties, mediators can also assist with issues related to cultural or religious conflicts.

"Many of these problems are due to a lack of communication and understanding," explained Hasnol Zam Zam.




Hasnol Zam Zam (second from left) at the Putrajaya PMK launch. With him are (from left) Che Roslan, Fadlun and ACP Aidi Sham. — Photos: AZHAR MAHFOF/The Star

Pointing out that there are eight community mediation centres nationwide, he said mediation services could also be done at "neutral places" such as community halls or through on-site meetings.

"A total of 111 cases have been mediated as of October this year.

"There are plans to open more PMK but that is subject to availability of space and volunteers.

"Being a mediator is a form of volunteerism; people of different ages and backgrounds are welcomed to undergo training to be mediators," he added.

For Khairul Salleh Hasan, becoming a mediator was a natural next step for him after being involved in his Kampung Malaysia Raya community in Kuala Lumpur for over 30 years

"I have undergone several types of mediation training which featured the use of sociology, psychology and communications," said the 58-year-old who has been involved in mediation since 2010.

"As one of the mediators attached to Kuala Lumpur City Hall's PMK, I also mediate neighbours' disputes such as those involving pets, parking spaces, physical obstructions and other arguments.

"Our team of five mediators has settled about 90% of the estimated 2,500 cases since the KL centre was set up in 2018," he added.

Khairul Salleh said a mediator has to be patient, fair and impartial.

"A mediator cannot give advice and opinions, or make the decision.

"We ask open questions and try to generate options.

"The affected parties can decide on one of these options or come up with different ones, but they must have their own solutions," he said.

The Putrajaya PMK is located at Kuarters Perumahan Penjawat Awam 5R1.

It is open from 8am to 5pm daily, and mediations are by appointment only.

To make an appointment, call 03-8883 7156 or email ppnputrajaya@perpaduan.gov.my

THE STAR
Tarikh: 20 NOV 2024

# Kilang roti diserbu

BH 20/11

## Disyaki lepaskan efluen minyak, gris dalam saluran pembetungan

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

KUALA SELANGOR



Mohd Fazil (kiri) dan pegawainya menunjukkan sampel air yang diambil untuk dihantar ke Jabatan Kimia untuk tindakan lanjut.

Sebuah kilang roti di kawasan industri Puncak Alam di sini diserbu pihak berkuasa selepas disyaki melepaskan efluen minyak dan gris berlebihan ke saluran pembetungan.

Pengarah Unit Komunikasi dan Hal Ehwal Seruhanjaya Perkhidmatan Air Selangor (SPAN), Mohd Fazil Ismail berkata, pihaknya menerima aduan daripada Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd berhubung kemasukan efluen terlarang itu dan kemudian membuat pemeriksaan mengejut ke atas kilang berkenaan.

Menurutnya hasil semakan mendapati terdapat juga barang terlarang lain seperti diesel ditemui dalam saluran pembetungan itu.

"Secara amnya, pelepasan secara berlebihan barang dan sebatian terlarang ini menyebabkan saluran pembetungan yang diselenggarakan IWK tersumbat," katanya pada Selasa.

Mohd Fazil berkata, semakan mendapati kilang sama mengeluarkan cecair berwarna putih yang ada kesan minyak.

"Bagaimanapun, hasil siasatan hari ini (Selasa) tidak menunjukkan pelepasan cecair terbabit dan kami mengeluarkan notis pembersihan bagi memastikan tiada pelepasan bahan sama selepas ini.

"Kebiasaannya kilang yang menjalankan industri F&B (makanan dan minuman) melepaskan banyak minyak dan gris, namun ada SOP (prosedur operasi standard) perlu dipatuhi," katanya.

SINAR HARIAN
Tarikh: 20 NOV 2024

# 27 kes buli siber sehari

## Angka itu menunjukkan peningkatan ketara berbanding 10 kes sehari sebelum ini

KUALA LUMPUR

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menerima 8,339 laporan dan aduan berkaitan buli siber atau 27 kes sehari bagi tempoh Januari hingga 1 November lepas.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil berkata, angka itu menunjukkan peningkatan ketara berbanding 10 kes sehari sebelum ini, sekali gus menyaksikan kepentingan penguatkuasaan pelesenan media sosial dalam mewujudkan ekosistem dalam talian yang lebih selamat kepada pengguna platform mereka.

"Dalam platform Facebook tahun lepas, jumlah penipuan dalam talian yang dilaporkan pihak Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) berjumlah RM432 juta.

"Bagi jenayah seksual terutama terhadap kanak-kanak melibatkan media sosial, jumlah kes pada 2023 adalah 525 kes, manakala setakat 1 November 2024, sebanyak 815 permohonan (menurunkan kandungan) telah dibuat berkaitan dengan kandungan *child sexual abuse material* (CSAM - bahan berkaitan penderaan seksual kanak-kanak) dalam media sosial," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau menjawab soalan **Hassan Abdul Karim (PH-Pasir Gudang)** sama ada penguatkuasaan kerangka pelesenan media sosial akan menjejaskan kebebasan untuk mendapat akses kepada kehidupan moden yang banyak bergantung kepada teknologi digital.

Keperluan pelesenan ke atas penyedia perkhidmatan pesanan internet dan media sosial dengan pengguna melebihi 8 juta di Malaysia telah diwartakan pada 1 Ogos lepas dan akan berkuat kuasa mulai 1 Januari tahun depan, dengan pihak berkenaan perlu memohon Lesen Kelas Pemberi Perkhidmatan Aplikasi [ASP(C)] di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588).


FAHMI

Fahmi berkata, di bawah Akta 588, terdapat langkah-langkah perlindungan yang kukuh bagi mengimbangi keperluan kawal selia dan perlindungan kepada hak kebebasan bersuara serta kebebasan maklumat.

Beliau berkata, pelaksanaan kerangka pelesenan itu bertujuan menangani isu-isu jenayah dalam talian tanpa menyekat inovasi dan pembangunan, sekali gus memastikan pengguna dapat menikmati pengalaman digital lebih selamat.

Menjawab soalan tambahan **Abdul Latif Abdul Rahman (PN-Kuala Krai)** sama ada langkah pelesenan itu akan menjejaskan peniaga kecil, Fahmi berkata, langkah berkenaan tidak akan menjejaskan pengguna kerana hanya penyedia perkhidmatan sahaja yang diwajibkan untuk mendapatkan lesen daripada SKMM.

Beliau berkata, sekiranya mana-mana platform media sosial gagal dilesenkan menjelang 2025, kerajaan buat masa ini tidak berhasrat untuk menutup platform berkenaan.

Bagaimanapun Fahmi berkata, platform yang gagal mendapatkan lesen boleh dikenakan tindakan undang-undang termasuk kompaun sehingga RM250,000 atau kesnya dirujuk ke mahkamah dengan dendanya boleh mencecah sehingga RM500,000 atau penjara lima tahun.

Beliau berkata, platform yang sudah disabitkan bersalah oleh mahkamah pula boleh dikenakan denda RM1,000 setiap hari kerana beroperasi tanpa lesen.

Dalam pada itu, Fahmi memaklumkan sedia mendengar pandangan daripada pengamal media berhubung cadangan pindaan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, meskipun perkara itu bukan di bawah bidang kuasa kementeriannya.

"Saya akan berhubung dengan pihak NUJM (Kesatuan Kebangsaan Wartawan Malaysia), CIJ (Pusat Kewartawanan Bebas) dan Geramm (Gerakan Media Merdeka) untuk cuba memahamkan dulu (isu yang dibangkitkan) sebab ini hanya melalui laporan media sebelum ni.

"Walaupun draf itu bukan di bawah jagaan Kementerian Komunikasi, tapi saya sedia mendengar pandangan daripada rakan-rakan media," katanya.

Sebelum ini tiga persatuan itu menuntut penjelasan daripada Kementerian Dalam Negeri berhubung cadangan pindaan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, berikutan desas-desus bahawa syarat dan penalti bagi media akan diperluas dan diperketatkan.

SINAR HARIAN
Tarikh: 20 NOV 2024

# Penjawat awam wanita mahu lebih ramai pemandu sejantina

Kosmo 20/11

**SIDANG DUN TERENGGANU**

**KUALA TERENGGANU** – Kerajaan negeri Terengganu disaran agar melantik lebih ramai wanita sebagai pemandu demi keselesaan dan kebajikan penjawat awam wanita.

Zuraida Md. Noor (**Pas - Ladang**) berkata, beliau banyak mendapat maklum balas daripada penjawat awam wanita negeri tersebut yang mengadu kurang selesa menggunakan kenderaan agensi kerajaan untuk tugasan rasmi bersama pemandu lelaki.

"Kadangkala pegawai wanita (kerajaan negeri Terengganu) terpaksa melakukan perjalanan jauh untuk mesyuarat dan program rasmi dan mereka menyatakan kurang selesa bermusafir hanya berdua dengan pemandu lelaki.

"Saya harap perkara ini diberi perhatian kerajaan negeri agar penjawat awam wanita dapat menggunakan kenderaan kerajaan atas urusan rasmi dengan lebih selesa sebagai pekerja, ibu dan juga muslimah," katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian dalam sesi perbahasan Belanjawan 2025 pada persidangan Dewan Undangan Negeri Terengganu ke-15.

Zuraida berkata, beliau difahamkan setakat ini hanya seorang pemandu wanita dilantik kerajaan negeri melalui Urus Setia Wanita Terengganu yang sudah berkhidmat sejak tahun 2020.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan prospek penjawatan pemandu wanita diperluaskan di setiap agensi kerajaan Terengganu pada masa hadapan.



**ZURAIDA (kanan) sewaktu berbahas pada persidangan DUN Terengganu di Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu semalam.**

KOSMO
Tarikh: 20 NOV 2024

Bantu memperkasa ekonomi golongan muda, nikmati peluang kerjaya

# 170,751 individu terlepas bankrap

Kosmo 20/11

DEWAN RAKYAT

Oleh ZULKIFLI MANZOR

**KUALA LUMPUR** – Seramai 170,751 individu dilepaskan daripada masalah bankrap menerusi inisiatif Dasar Peluang Kedua oleh Jabatan Insolvensi (MdI) tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, inisiatif itu membantu memperkasakan ekonomi golongan muda.

"Secara keseluruhannya sejak Mac 2023 sehingga September 2024, MdI berjaya melepaskan 170,751 orang bankrap. Merangkumi golongan muda berusia 40 tahun ke bawah dan hutang tidak melebihi RM200,000.

"Golongan orang muda yang dilepaskan daripada kebankrapan berpeluang memulakan kehidupan baharu," katanya menerusi jawapan bertulis di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Siti Aminah Aching (**BN-Beaufort**) mengenai jumlah penerima manfaat daripada Dasar Peluang Kedua berkenaan.

Kata Azalina, pelepasan kebankrapan membuka peluang untuk golongan berkenaan menikmati perluasan peluang kerjaya.

Menurut beliau, ia termasuk dalam bidang profesional dan perniagaan bagi memperkasa ekonomi diri dan keluarga.

Dalam pada itu, katanya, golongan muda diseru mengambil peluang menyertai pelbagai program literasi kewangan seperti dianjurkan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

Jelasnya, memiliki pengetahuan kewangan yang kukuh dapat membantu mereka mengelak daripada keterhutangan yang serius.




DASAR Peluang Kedua oleh Jabatan Insolvensi berjaya melepaskan seramai 170,751 individu daripada status bankrap.

KOSMO
Tarikh: 20 NOV 2024

# Wujudkan dasar khas guna EV dalam usaha tingkat kualiti udara

**Nurul Nadiah Ahmad,**
Universiti Tenaga Nasional, Kampus Sultan Haji Ahmad Shah, Pahang

**Pertambahan** populasi dunia dan perkembangan ekonomi pesat meningkatkan permintaan tenaga secara mendadak, terutama dalam sektor pengangkutan.

Sektor ini kini menyumbang sekitar 16.2 peratus daripada jumlah pelepasan karbon dioksida pada peringkat global, menjadikannya antara penyumbang utama kepada pencemaran udara dan perubahan iklim.

Pada 2020 dan 2021, pelepasan karbon dioksida global melonjak sebanyak 7.0 peratus, mencapai 7.64 bilion tan akibat penggunaan tenaga dalam sektor ini.

Sejak 2016, perhatian utama beralih kepada teknologi kenderaan elektrik (EV) sebagai langkah penting untuk mengurangkan pelepasan karbon dan meningkatkan kualiti udara.

Penggunaan EV dijangka meningkat dengan ketara antara 2030 hingga 2045, seterusnya mempercepatkan usaha dekarbonisasi dalam sektor pengangkutan dan menyokong matlamat kelestarian global.

Di Malaysia, penggunaan kenderaan EV semakin mendapat perhatian dengan pelbagai strategi dan sokongan kerajaan. Antara inisiatif utama ialah Pelan Tindakan Mobiliti Rendah Karbon 2021-2030 merangkumi pelbagai langkah seperti insentif cukai, pelepasan duti import untuk kenderaan EV dan pembangunan infrastruktur pengecasan.

Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) turut menyasarkan pengurangan intensiti karbon negara sebanyak 45 peratus menjelang 2030, menunjukkan komitmen jelas terhadap pengangkutan lestari.

Langkah ini sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) ditetapkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), khususnya SDG 11 (Bandar dan Komuniti Mampan) dan SDG 13 (Tindakan Iklim).

Pengangkutan bebas karbon menyumbang kepada pencapaian bandar lebih bersih dan kurang pencemaran, serta penggunaan tenaga lebih cekap dan lestari, seterusnya membantu mengurangkan kesan perubahan iklim.

Bagaimanapun, usaha ke arah pengangkutan mampan masih berdepan cabaran. Kekurangan infrastruktur pengecasan, tempoh pengecasan panjang dan kebimbangan jarak perjalanan, kekal menjadi isu utama perlu diatasi.

### Capaian meluas stesen pengecasan

Di Malaysia, pelaburan dalam stesen pengecasan pantas perlu ditingkatkan untuk memastikan capaian lebih meluas, termasuk di luar bandar.

Di samping itu, tingkah laku pengguna memainkan peranan penting dalam pemilihan mod pengangkutan. Pandangan pengguna terhadap EV dipengaruhi faktor sosial, ekonomi dan kesedaran alam sekitar.

Dasar seperti caj kesesakan dan subsidi untuk pengangkutan awam terbukti berkesan dalam mengubah pilihan perjalanan ke arah lebih mesra alam dan mampan.

Menerusi dasar kukuh dan sokongan berterusan, sektor pengangkutan akan menjadi komponen penting dalam mencapai pembangunan lestari dan melindungi bumi untuk generasi masa hadapan.




*Infrastruktur pengecasan perlu ditambah dalam menyokong usaha pengangkutan lestari.* (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

BERITA HARIAN
Tarikh 20 NOV 2024

# PETRA sasar kurangkan air tak berhasil 28.8 peratus pada 2030

## Usaha tingkat kecekapan, kelestarian pengurusan bekalan selari pelan AIR 2040

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my



*Fadillah melawat pameran selepas merasmikan Persidangan Water Loss Asia (WLA 2024) di Kuala Lumpur, semalam.*
(Foto Asyraf Hamzah/BH)

**Kuala Lumpur:** Kerajaan menyasarkan pengurangan air tidak berhasil (NRW) sebanyak 28.8 peratus menjelang 2030 dalam usaha meningkatkan kecekapan dan kelestarian pengurusan bekalan air di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata ia antara agenda utama sedang dilaksanakan Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) selari dengan Pelan Hala Tuju Transformasi Air 2040 (AIR 2040).

"Fokus negara kita, di bawah AIR 2040 adalah untuk menggantikan paip lama di seluruh negara dan diharapkan dengan pendekatan itu, kita dapat turunkan kadar kehilangan air.

"Sasarannya juga supaya kita dapat jimatkan kehilangan RM2 bilion disebabkan kehilangan air yang sudah dirawat atas pelbagai faktor antaranya kebocoran dan kecurian air.

"Untuk itu, kita sasarkan untuk mempercepatkan penurunan NRW, iaitu menjelang 2030, 28.8 peratus pengurangan dapat dicapai melalui kerja penggantian paip lama di seluruh negara," katanya selepas Majlis Perasmian Persidangan Water Loss Asia (WLA 2024) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha PETRA, Mad Zaidi Mohd Karli; Timbalan Ketua Setiausaha PETRA, Datuk Mohd Rodzwan Mohd Baba Sakri; Pengerusi Pengurusan Aset Air Berhad, Datuk Seri Ir Jaseni Maidinsa dan Ketua Pengarah Eksekutif Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Datuk Ahmad Faizal Abdul Rahman.

Persidangan WLA 2024 kali ini menampilkan tema 'Pengurusan Kehilangan Air dan Pengurangan Karbon Daripada Perspektif Asia.

Ia berlangsung selama tiga hari sehingga Khamis ini membabitkan penyertaan pakar dalam dan luar negara dengan pelbagai pengisian termasuk sesi pembentangan, perbincangan panel dan pameran berkaitan teknologi baharu dalam pengurusan air.

### AIR 2040 dilaksana 4 fasa

Untuk rekod, AIR 2040 dilaksanakan dalam tempoh 20 tahun menerusi empat fasa di bawah Rancangan Malaysia ke-13 (RMK13).

Tahun ini, sasaran kadar NRW di seluruh negara adalah 34.6 peratus.

Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, berkata sekiranya kadar NRW dapat dikurangkan, ia bukan sahaja menyumbang ke arah penjimatan, malah sumber kewangan yang ada boleh disalurkan untuk memperbaiki infrastruktur berkaitan pengurusan air.

Katanya, kerja penggantian paip lama sedang giat dijalankan secara berperingkat.

"Dalam RMK13, sebanyak RM2.5 bilion diperuntukkan untuk kerja (penggantian paip ini). Saya turut lihat ada keperluan untuk kita gunakan pendekatan baharu, mungkin dengan melibatkan kerjasama awam dan swasta bagi menyegerakannya.

"Namun, kita perlu perhalusi model perniagaan (yang bersesuaian), barulah dapat tarik sektor swasta untuk melabur," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh ......2 0 NOV 2024....

um 20/11

# Penjawat awam ditahan bantu siasatan kes menyamar pegawai SPRM

**KOTA BHARU:** Polis Kelantan menahan seorang penjawat awam bagi membantu siasatan berkaitan rakannya menyamar pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Pasir Mas semalam.

Ketua Polis negeri, Datuk Mohd. Yusoff Mamat berkata, suspek berusia 25 tahun, berasal dari Pokok Sena, Kedah, ditahan pada pukul 9 malam.

Menurutnya, siasatan awal mendapati, penjawat awam terbabit yang bekerja di negeri ini sudah lama mengenali suspek.

"Penjawat awam ditahan ini turut dipercayai terlibat dengan penyamaran sebagai SPRM, namun siasatan lanjut masih lagi dijalankan. Semakan mendapati suspek tidak mempunyai rekod kesalahan lampau dan ujian air kencing mendapati dia negatif dadah," katanya kepada media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan di sini, semalam.

Mohd. Yusoff memberitahu, semasa ditahan tiada sebarang rampasan barangan dilakukan.

Katanya, siasatan terhadap suspek pertama yang ditahan Pasukan Gerakan Am (PGA) di Pasir Mas mendapati dia mempunyai rekod jenayah dan terlibat dengan penyamaran sebagai SPRM selama tiga tahun.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 170 Kanun Keseksaan kerana menyamar sebagai penjawat awam dan Seksyen 8 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 serta Seksyen 8(a) Akta Senjata 1960. Suspek direman selama tujuh bermula hari ini," katanya.

Polis turut menemui beberapa rakaman video dalam telefon bimbit berkait kes tersebut dan barangan serta pakaian SPRM yang dirampas itu dipercayai dibeli secara dalam talian.

*Utusan Malaysia* sebelum ini melaporkan, Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA) Kuantan menahan seorang lelaki dan merampas sepucuk pistol selepas dipercayai menyamar sebagai pegawai SPRM di Pasar Tasik Raja menerusi Op Taring Wawasan Kelantan.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 20 NOV 2024

UM 20/11

# Sukar jaga kebersihan, operasi restoran 24 jam dikaji semula

**TELUK INTAN:** Operasi restoran makanan 24 jam dikaji semula terutama melibatkan soal pengambilan makanan, keselamatan dan kebersihan yang sukar dikawal memberi risiko kepada kesihatan.

Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan, Hal Ehwal Masyarakat India dan Integrasi Nasional Perak, A. Sivanesan berkata, operasi restoran makanan 24 jam boleh menyebabkan bilangan pelanggan yang tinggi selain perlu menyediakan makanan setiap masa.

Katanya, situasi itu menyebabkan pekerja restoran tidak mempunyai masa untuk membersihkan dapur menyebabkannya tidak bersih.

"Ini memang tidak sihat. Mungkin kerajaan (negeri) membenarkan dua jenis operasi pada waktu siang dan malam dengan tempoh maksimum 12 jam dan selepas waktu itu harus ditutup.

"Dia kena pilih pukul berapa sampai pukul berapa tetapi beroperasi hanya 12 jam," katanya pada Majlis Pelancaran War On Sugar Peringkat Negeri Perak dan Program Kesihatan Warga Emas di Hospital Teluk Intan (HTI) di sini, semalam.

Katanya, waktu operasi restoran 24 jam ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) dan akan membawa perkara itu semasa mesyuarat kerajaan negeri.

"Kebanyakan restoran Cina pukul 9 hingga 10 malam sudah tutup yang membolehkan mereka mempunyai masa untuk membersihkannya," katanya.

Menurutnya, operasi restoran makanan 24 jam turut menggalakkan amalan pemakanan seseorang yang tidak mengikut waktu yang sesuai.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 20 NOV 2024

# Platform media sosial akan didakwa jika tiada lesen

Oleh ARIF AIMAN ASROL
dan HAFIZ SAIDINA
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan tidak akan menutup platform media sosial sebaliknya pengendali akan didakwa jika gagal mendapatkan lesen yang dikuatkuasakan bermula 1 Januari tahun depan.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil berkata, berpandukan kepada kuasa dan akta sedia ada, platform yang gagal mendapatkan lesen boleh dikenakan tindakan undang-undang termasuk kompaun sehingga RM250,000.

Menurut beliau, kes tersebut juga boleh dirujuk ke mahkamah dan dendanya boleh mencecah sehingga RM500,000 atau penjara lima tahun.

"Lesen ini tidak akan terpakai pada syarikat-syarikat atau individu, ia hanya terpakai kepada penyedia platform-platform seperti Facebook, WhatsApp, Instagram dan bukan kepada pengguna. Ini perkara yang saya harus jelaskan.



FAHMI FADZIL

"Tapi pada masa sama, apakah kesan sekiranya platform ini gagal untuk dilesenkan menjelang 1 Januari 2025? Adakah kerajaan akan berhasrat menutup platform terbabit?

"Jadi, pada waktu ini, kerajaan tidak berhasrat untuk menutup (platform media sosial)," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Abdul Latiff Abdul Rahman (PN-Kuala Krai) yang menyatakan adakah kerajaan telah mengambil kira impak dengan peraturan baharu ini untuk memulakan lesen terhadap perniagaan kecil tempatan dan juga individu yang menggunakan platform untuk menjana pendapatan.

Mengulas lanjut, Fahmi berkata, aspek keselamatan data pengguna media sosial adalah perkara yang merisaukan dan atas sebab itu, penguatkuasaan pelesenan ini dijayakan kerajaan.

"Inilah antara sebab mengapa kita sentiasa berwaspada dan berhati-hati tentang kandungan yang kita muat naik dalam platform media sosial termasuk maklumat peribadi.

"Ini antara perkiraan kerajaan (kepada platform media sosial) di mana mereka perlu mengimbangi antara inovasi dan lebih penting, keselamatan data rakyat," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 20 NOV 2024

# Call for stricter monitoring of food handlers

20/11 sun

Experts urge mandatory typhoid vaccination and display of health certificates to protect consumers

BY QIRANA NABILLA MOHD RASHIDI
*newsdesk@thesundaily.com*



Noor Azira said displaying proof of vaccination would enhance customer confidence and trust, assuring them that the food is clean and safe. – *ADAM AMIR HAMZAH/THESUN*

**PETALING JAYA:** With a stream of viral videos on social media platforms showing unhygienic practices among food handlers, experts are calling for strict monitoring to ensure they have been vaccinated against typhoid and display a health certificate as proof of compliance.

Universiti Putra Malaysia department of food service and management food safety expert Dr Noor Azira Abdul Mutalib said selling dirty or contaminated food not only endangers consumer health but also compromises business integrity.

"Earning money from unsafe food practices is dishonest and unethical as they should know their responsibility to serve safe and clean dishes to customers."

Noor Azira said under the Food Hygiene Regulations 2009, enforced by the Health Ministry, it is mandatory for all food handlers, including street vendors and those at hospitals, schools and even home-based ones, to be vaccinated against typhoid.

She said typhoid vaccines prevent contracting the fever caused by *Salmonella Typhi* (S. Typhi), a bacterium that some food handlers, who come into contact with food, water and utensils, may carry.

"Food handlers may have the bacterium without showing symptoms of foodborne illnesses, but they can still transmit S. Typhi to food, potentially causing consumers to be poisoned. Getting vaccinated also reduces the risk of contracting the bacterium from other sources."

Noor Azira said displaying proof of vaccination would enhance customer confidence and trust, assuring them that the food is clean and safe.

The type of proof varies depending on the clinic, with most issuing a small booklet containing details such as the recipient's name, identity card number and vaccination date.

"The authorities could also issue special badges to vaccinated food handlers to further instil consumer trust," she said, adding that while the typhoid vaccine should be taken every three years, some individuals fail to get re-vaccinated when necessary.

Some food handlers who have never experienced serious illness may believe they are healthy and do not need the vaccine.

"While monitoring food handlers is challenging, efforts should include making vaccination a requirement for licence applications and authorities must frequently conduct random checks at food premises, rather than only responding to complaints," she said.

Universiti Kebangsaan Malaysia Public Health Medicine specialist Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh estimated that about 20% of food handlers in Malaysia might not have taken the typhoid vaccine, particularly food peddlers who operate without proper licensing.

"With the current financial struggles, many have turned to selling food and drinks, sometimes using semi-boiled or unboiled water to cut costs. Their items are sold in unhygienic conditions, which is heartbreaking, but desperation drives them to do it."

Sharifa Ezat said typhoid is a potentially life-threatening disease that requires prompt treatment with antibiotics.

S. Typhi can persist in a person's gallbladder without causing symptoms, making the individual a chronic carrier and remaining contagious even after recovering.

"This is why food handlers are especially encouraged to get vaccinated because their role involves frequent contact with food and utensils, which increases the risk of spreading the bacteria. Children are particularly vulnerable."

Sharifa Ezat said untreated typhoid can lead to serious complications such as internal bleeding, intestinal perforation, a swollen or ruptured gallbladder, brain swelling, respiratory problems or bone inflammation.

Other severe outcomes include heart inflammation, kidney failure and miscarriage, which is why the typhoid vaccine should never be regarded as trivial and unimportant.

She added that the vaccine is available for free at all government health clinics, while private healthcare providers typically charge RM60 to RM100 for the injectable form and RM50 to RM60 for the pill form.

THE SUN
Tarikh: 20 NOV 2024

# GISB kids' recovery task force gets RM100,000 fund

SELANGOR government has donated RM100,000 to the Selangor GISBH Children's Recovery Task Force to develop a comprehensive and effective recovery plan for children rescued from welfare homes run by GISB Holdings Sdn Bhd (GISB).

The donation was made through Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE), which is responsible for coordinating funds received for the children.

Selangor Mentri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said the task force came up with a recovery plan encompassing four main clusters, namely welfare, legal, health and education.

"The Welfare Department (JKM) ensures that all the needs and facilities for the GISB children are fully met under the welfare cluster.

"As for the legal cluster, we are exploring aspects to help the children recover within a reasonable period.

"In the health aspect, Selangor Health Department will lead the health recovery programme with the aid of specialists from different fields," he said in a press conference after the mock cheque donation presentation at Bangunan Dewan Negeri Selangor in Shah Alam during break time from the state assembly sitting.




20/11 Sh.

Amirudin (centre) witnessing state women empowerment and welfare committee chairman Anfaal Saari (fourth from right) presenting a RM100,000 mock cheque to YIDE general manager Nur Mohd Razali Abdullah (in green) at Bangunan Dewan Negeri Selangor. — Bernama

A total of 264 children from GISB are currently being cared for at JKM's shelter home in Selangor.

According to Amirudin, intensive screening and examinations carried out from Nov 4 to 8 on the affected children found 26.8% of them stunted and 6.8% severely stunted.

"After two months in the care of JKM, 38.6% of the children showed weight gain while 22% of them aged a few months to six years have speech problems.

"The mental health screening found 84.8% experiencing depression and 96.7% having anxiety."

Amirudin said those who required further intervention for mild and moderate categories would be referred to counsellors or clinical psychologists.

He added that education recovery programmes had been conducted since Oct 1, including academic and faith recovery.

The education programme is led by Selangor Education Department with contributions from Selangor Islamic Religious Council, Selangor Islamic Religious Department and Persatuan Taska Negeri Selangor (PTNS).

Education assessments found that the children, from preschool level to upper secondary, had good grasp of Bahasa Melayu and Mathematics but faced difficulties in English.

"Eight special needs children are found to be unable to learn.

"For children with special needs and under six years old, PTNS will provide them with fun and meaningful experiences while building the essential skills they need," he added. — By **JAROD LIM**

THE SUN
Tarikh: 20 NOV 2024